



## JPN digitalkan 150 juta rekod penduduk sejak 1869

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Januari 9, 2023 @ 4:54pm  
fidahruzki@bh.com.my

PUTRAJAYA: Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kini dalam proses mendigitalkan kira-kira 150 juta rekod penduduk di negara ini sejak 1869.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata ia bertujuan menjamin keselamatan dan pemuliharaan rekod berkenaan.

Beliau berkata, rekod itu disimpan Unit Rekod di jabatan berkenaan yang tidak ada dalam simpanan individu sehingga kini.

"Rancangan masa depan supaya khazanah ini dapat disimpan dengan selamat.

"Langkah ini untuk mendigitalkan rekod jabatan supaya dapat memastikan keselamatan rekod bagi tujuan munasabah pada masa depan," katanya pada sidang media selepas lawatan rasmi ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menterinya, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Saifuddin berkata, biarpun kebanyakan rekod daftar kelahiran dan kematian yang disimpan jabatan itu hanya mengandungi maklumat asas seperti nama ayah dan ibu, nama anak, alamat dan pekerjaan, namun ia khazanah maklumat penduduk negara yang harus dipulihara.

"Ini sebahagian daripada rancangan masa depan kita supaya khazanah ini dapat disimpan dengan selamat dan sesuai dengan peredaran teknologi semasa bagi tujuan pendigitalan rekod jabatan," katanya.

Beliau berkata, pendigitalan rekod sedia ada juga boleh dijadikan rujukan dan memudahkan pencarian pada masa depan jika diperlukan.

Katanya, ketika ini, kira-kira 30 juta rekod sudah disimpan secara digital dan proses penyimpanan akan terus dilaksanakan JPN sehingga selesai.